



# Buli budaya masyarakat tak bertamadun

## Syariat menuntut umat saling berkasih sayang antara satu sama lain

**S**ETELAH setengah tahun sesi persekolahan berlalu, masih ada pelajar yang dibuli terutama di asrama. Perbuatan tidak bertamadun itu seakan menjadi satu budaya yang tidak dapat ditinggalkan, malah semakin teguh diwarisi segelintir pelajar yang mengambil peluang menjadi 'orang yang lebih tua' untuk memperlakukan 'budak kecil' sesuka hati.

Perbuatan sama berlaku di sekolah berprestij dan berprestasi tinggi sedikit sebanyak menimbulkan tanda tanya fungsi organisasi pentadbiran asrama, sama ada mereka tidak tahu menahu atau memandang sebelah mata akan amalan itu di asrama.

Mungkin salah laku pelajar 'senior' tidak dilaporkan kepada warden asrama disebabkan perasaan takut jika pembuli mengetahui siapa yang membuat laporan, dipelakukan lebih buruk lagi.

Apa pun alasan, adalah mustahil jika pihak pengurusan asrama tidak mengetahui langsung kewujudan kes buli yang berleluasa di sekolah atau asrama di bawah pengawasan mereka.

Kes pelajar membuli pelajar ada kalanya bersemarak mengikut musim. Apabila diperkatakan di media, ia sedikit sebanyak meredakan masalah dan akan berlarutan semula setelah kes sebegini mula jaring diperkatakan.

Tetapi, mangsa buli akan sentiasa berhadapan perbuatan zalim tanpa mengira waktu. Malangnya, mereka juga harus berdepan tanggungjawab sebagai pelajar yang se-



GAMBAR HIASAN | BERTA MINGGU

**PIHAK berwajib perlu memastikan pelajar yang tinggal di asrama tidak menjadi mangsa buli.**

harusnya menumpukan sepenuh perhatian terhadap pembelajaran.

Mana mungkin mangsa buli yang diperlakukan seperti barang mainan mampu menjadi pelajar cemerlang kerana sentiasa dihanuti peristiwa penderitaan dilakukan terhadap mereka.

Kebeneran juvana melakukan jenayah kerana berlatarbelakangkan keluarga bermasalah memang ada. Kebanyakan pelajar daripada keluarga harmoni dan mengambil berat pendidikan agama akan mempunyai sahsiah tinggi kerana ibu bapa menjadi contoh terbaik mem-

bina keperibadian mereka.

Islam adalah agama yang sejahtera dan menganjurkan kemakmuran sebagai satu cara hidup termasuk ketika berurusan dengan penganut agama lain. Sudah tentulah Islam memerintahkan umatnya saling berkasih sayang bukannya pembunuhan antara satu sama lain.

Hatta menyakiti hati dengan lidah pun dilarang sama sekali. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Orang Islam ialah orang yang saudara seislamnya berasa aman daripada gangguan lidah

dan tangannya."

Tidak dapat dinafikan kes buli yang membawa kepada kematian memberi kesan dan menyebabkan kebimbangan kepada ibu bapa yang menghantar anak ke asrama. Kebanyakan anak yang menjadi mangsa buli tidak memaklumkan kepada ibu bapa kerana mengangap ia amalan biasa.

Sebaliknya buli dan kezaliman adalah perbuatan masyarakat jahiliah yang menindas dan menganiaya sesama manusia hanya kerana keseronokan semata-mata.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Perumpamaan orang mukmin dalam berkasih sayang, berkasih belas dan menaruh simpati adalah seperti satu tubuh. Apabila salah satu anggota sakit, maka seluruh anggota tubuh akan merasainya seperti demam dan tidak dapat tidur malam." (Hadis riwayat Imam Bukhari dan Muslim)

Hari ini perbuatan buli bukan saja berlaku di alam nyata tetapi juga alam maya. Bezanya, buli yang tidak berlaku depan mata tidak memungkinkan kecederaan fizikal dan kematian walaupun deraan mental juga meninggalkan kesan besar kepada mangsa buli.

Apatah lagi jika perbuatan buli dilakukan kepada kanak-kanak bawah umur yang diberi sepenuh kebebasan oleh ibu bapa mengendalikan komputer dan bertandang ke dunia tanpa sempadan tanpa pemantauan.

Ia boleh berlarutan sehingga ke dunia nyata dan memberi kesan buruk kepada sahsiah golongan muda masa depan. Remaja bukan saja wajib diberi tarbiah agama tetapi juga dipantau sepanjang masa, kerana cabaran hidup mereka sangat luar biasa.

**Penulis ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia, kini melanjutkan pelajaran di United Kingdom**